

UNTUK SIARAN SEGERA

Memperkayakan suasana kekeluargaan penduduk Malaysia

Gaya Hidup Sihat, Selesa, dan Mesra Alam

Kehidupan yang indah dalam dunia yang mengagumkan – sumbangan berterusan kepada kebahagiaan dan keselesaan rakyat Malaysia menerusi produk beraneka jenis

Petaling Jaya, 23 Mac 2015 – Panasonic Malaysia telah melancarkan produk Televisyen 4K, *Soundboard*, Peti Sejuk, Mesin Basuh, dan Kipas yang baru untuk ditambahkan kepada rangkaian produk yang sudah sedia ada. Dilengkapi dengan teknologi canggih, rangkaian baru ini kelihatan lebih anggun dan bergaya.

Yosuke Matsunaga, Pengarah Urusan Panasonic Malaysia berkata, “Panasonic akan terus memperkenalkan produk yang baru dan sempurna agar sesuai dengan rumah tangga penduduk Malaysia. Kami ingin memastikan bahawa hanya produk yang berprestasi cekap ditawarkan”.

“Masyarakat masa kini semakin peka terhadap kualiti serta prestasi produk perkakas rumah. Mereka banyak mempertimbangkan penjimatan tenaga dan juga ingin memastikan suasana rumah yang selesa ketika membuat keputusan untuk membeli produk elektronik ini” tambah Matsunaga.

Rangkaian produk baru yang diperkenalkan hari ini bertujuan memberikan pengguna peluang merasai produk yang berprestasi cemerlang serta suasana yang penuh keselesaan dan kesenangan, di samping mengurangkan sebarang kesan negatif terhadap alam sekitar.

“Kami ingin memberikan pengguna lebih banyak pilihan dengan memperkenalkan rangkaian produk baru ini. Menerusi produk kami, Panasonic ingin memperkayakan masa yang diluangkan bersama keluarga, selaras dengan prinsip utama kami iaitu *Memperkayakan suasana kekeluargaan penduduk Malaysia menerusi gaya hidup Sihat, Selesa, dan Mesra Alam*” kata Matsunaga.

Kesemua model baru dilengkapi dengan teknologi canggih yang terkini untuk memberikan kemudahan, keselesaan, dan penjimatan tenaga yang maksimum, dengan tujuan dapat menaikkan taraf kehidupan pengguna kami.

Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran profesional, sistem perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke bateri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh didapati menerusi pengedar sah kami di seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berkenaan jenama dan produk Panasonic, layari laman web kami di www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan kami di 03-7953 7600.

Untuk ahli media, sila muat turun acara dan dokumen cetakan media serta gambar-gambar di www.pmpressroom.com

Media Contact: Mazlee Mokhtar

Senior Executive, Corporate Communications & Branding

Marketing Innovation Department
Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Tel: 03 7809 7877 Fax: 03 7955 0722

Email: mazlee.mokhtar@my.panasonic.com